



**“Kita mahu membongkar sejarah Hang Tuah di dalam negara dengan melakukan pengembaraan”**  
Dr Mohd Jamil

# Kembara jejak Tuah

■ **IKSEP kenal pasti empat lokasi pahlawan Melayu berehat**

**Syazwan Msar**

mohdsyazwan@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

**I**nstitut Kajian Sejarah dan Patriotik Malaysia (IKSEP) mengenal pasti sekurang-kurang empat lokasi persinggahan Hang Tuah ketika dalam perjalanan membawa Tun Teja dari Pahang menuju ke Melaka sekali gus percaya terdapat bahan arkeologi dan artifak berkaitan pahlawan Melayu itu di tempat berkenaan.

Pengerusinya, Prof Datuk Dr Mohd Jamil Mukmin berkata, lokasi persinggahan pahlawan Melayu berkemungkinan mempunyai artifak atau arkeologi seterusnya membuktikan Hang Tuah pernah melalui jalan sungai untuk ke Melaka.

Beliau berkata, lokasi ber-

kenaan di Bera, Pahang; Jempol dan Seriting, Negeri Sembilan serta Muar, Johor yang dipercayai menjadi tempat pahlawan Melayu sering berhenti rehat ketika menggunakan laluan pintas menelusuri sungai melalui Pekan, Pahang ke Melaka.

“Kita mahu membongkar sejarah Hang Tuah di dalam negara dengan melakukan pengembaraan seterusnya mengkaji dan meneroka beberapa lokasi yang dipercayai mempunyai kaitan dengan pahlawan Melayu itu.

“Kebanyakannya tidak mengetahui laluan dari Sungai Pahang melalui Sungai Bera, Sungai Seriting, Sungai Jempol dan kemudiannya ke Sungai Muar sebelum berakhir di Melaka adalah laluan pintas pedagang dan pelaut sejak abad ke-6,” katanya.

Sehubungan itu, IKSEP dengan sokongan kerajaan

Melaka dan kerjasama daripada Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia (ATMA-UKM) akan mengadakan ekspedisi kembara menjejaki Hang Tuah menelusuri Laluan Penarikan sepanjang 500 kilometer (km) bermula November nanti.

“Ekspedisi itu juga bertujuan menyingkap kembali sejarah laluan berkenaan yang satu ketika dulu begitu sibuk dengan kapal dagang malah ia juga digunakan pedagang dari negara Arab untuk menyebarkan Islam ke Melaka.

“Laluan itu menjimatkan masa kerana bukan saja pedagang menggunakannya malah Hang Tuah menjadikannya jalan utama pulang ke Melaka selepas melakukan pelayaran,” katanya.

Menurutnya, ekspedisi itu mendapat kerjasama dari tiga

negeri merangkumi Negeri Sembilan, Johor dan Pahang untuk bersama-sama mencari bukti atau penemuan baru berkaitan Hang Tuah.

Sementara itu, perbezaan pendapat membabitkan pengkaji dan ilmuan sejarah negara berkaitan pahlawan Melayu itu hanya membabitkan namanya saja.

“90 peratus pengkaji dan ilmuan sejarah bersetuju Hang Tuah itu wujud dan hanya dua individu saja yang membahaskan kewujudan pahlawan Melayu itu saja.

“Karyawan Tamu Jabatan Sejarah Universiti Malaya Prof Emeritus Dr Ahmat Adam bukannya tidak dipercayai kewujudan Hang Tuah cuma mempersoalkan nama saja manakala pakar sejarah Tan Sri Dr Khoo Kay Kim pula mahu lebih banyak bukti berkaitan pahlawan Melayu itu,” katanya.

Ada  
keh

Kuching

Tan Sri  
hirnya  
khabar  
berhub  
cunya,  
yang m  
bat k  
bulan

Dala  
emosi  
cebo  
luah  
akur  
ikuta  
22.

“S  
hav  
‘per  
pat  
hila  
per  
ma  
wa  
(ar  
‘m  
se